

Jelajah Sahabat, Persada UMS dekati belia Felda

28.10.2015 UB A4
LAHADDATU: Sekretariat Permuafakatan Siswa Siswi Felda (Persada) Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan kerjasama Seranta (Felda) Negeri Sabah mengadakan program Jelajah Sahabat baru-baru ini.

Program itu yang bersifat kemasyarakatan dengan memberikan keutamaan kepada pendidikan diadakan bertempat di Anjung Teduh, Felda Sahabat Lahad Datu.

Ia antara lain bertujuan mendekati belia Felda sekali gus sebagai medan berkongsi pengalamandanmotivasi bagi menyuntik semangat mereka melanjutkan pendidikan



CERAMAH oleh Asmarah Rikun.

hingga ke menara gading. Ahli Dewan Undangan Majlis perasmian Negeri Tunku merangkap penutupan disempurnakan Ahli Lembaga Pengarah



PELEPASAN konvoi oleh Asmarah Rikun (tiga dari kiri).

Felda Datuk Haji Mohd Suhaili Haji Said.

Dalam ucapannya beliau merakamkan penghargaan kepada mahasiswa UMS yang telah menjayakan pembangunan sahsiah pelajar sekali gus mampu melahirkan graduan holistik dan seimbang.

“Saya bagi pihak Felda Sahabat mengharapkan kehadiran dan aktiviti seumpama ini dapat diteruskan pada masa akan datang, apatah lagi ia banyak memberikan manfaat kepada generasi baharu Felda,” katanya.

Beliau turut menyatakan sokongan dan mengharapkan kerjasama semua pihak dalam sebarang pengajuran aktiviti yang melibatkan pembangunan sahsiah pelajar sekali gus mampu melahirkan graduan holistik dan seimbang.

Pelbagai aktiviti dianjurkan sepanjang tiga hari program itu berlangsung, antaranya ialah Slot Pecutan Akhir kepada pelajar Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan



SUHAILI (kiri) menerima cenderahati daripada UMS pada Majlis Perasmian Penutupan.



FORUM yang dijalankan semasa program.

Malaysia (STPM), serta Konvoi Semarak Generasi Felda.

Turut diadakan Forum, Qiamulail, Sukaneka, Kejohanan Futsal Piala Persada serta program Silang Budaya.

Dikendalikan 16 belia Felda dari seluruh negara yang menuntut di UMS, program itu turut dijajakan Ketua Seranta (Felda) Negeri Sabah Asmarah Rikun, Pengurus Majlis Belia Felda Malaysia Wilayah Sahabat Siti Salmiah Jasni dan Pengurus Persada UMS Datu Rosman Datu Ahir Zaman.



PERSADA bersama 150 org pelajar SPM dan STPM yang terlibat slot Pecutan Terakhir di SMK Desa Kencana.



PESERTA konvoi bersama PDRM, bomba dan Rela.